

**TEKS UCAPAN YAB MENTERI BESAR PERAK
DATO' SAARANI MOHAMAD
SEMPENA EXECUTIVE TALK
DAN
PERUTUSAN TAHUN BARU 2021
BERSAMA PENJAWAT AWAM NEGERI PERAK**

Bismillahirrohmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan salam
sejahtera.

Alhamdulillah Hi Robbil Alamin. Wassolatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiya'
Iwalmursalin, Saidina Muhammadin Sallallahu Alaihi Wasallam, Wa'ala
Alihi Washohbihi Ajmain.

Yang Berhormat Dato' Hj Mohamed Zahir Bin Abd. Khalid
Speaker Dewan Undangan Negeri Perak

Yang Berhormat Dato' Ahmad Suaidi Bin Abd. Rahim,
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Yang Berhormat Tuan Azmir Shah Bin Zainal Abidin

Penasihat Undang-Undang Negeri Perak

Yang Berhormat Dato' Zulazlan Bin Abu Hassan

Pegawai Kewangan Negeri Perak

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Perak,

Yang Berusaha Dato-Dato, Tuan puan, saudara-saudari Ketua-ketua Jabatan, Negeri dan Persekutuan, Pegawai-pegawai Daerah dan Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan, Kepimpinan GLC dan Badan Berkanun Negeri,

Serta para penjawat awam yang saya kasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, mari kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana walaupun dalam kesenjangan ruang dan waktu susulan pandemik COVID-19 yang melanda negara, kita masih diberi kesempatan untuk mengadakan *Executive Talk* 2021 yang buat pertama kalinya diadakan secara maya. Ini bagi mematuhi SOP yang ditetapkan di bawah PKP yang sedang berkuatkuasa di negara kita.
2. Saya merakamkan penghargaan kepada pihak urusetia atas tungkus-lumus menyusun dan menjayakan pertemuan secara maya ini, yang saya anggap begitu bermakna kerana ia adalah *Executive Talk* saya yang pertama sebagai Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Terima kasih juga kepada rakan-rakan penjawat awam, rakan-rakan media dan orang ramai yang sedang mengikuti ucapan ini secara langsung melalui laman sosial.
3. Walaupun sudah menginjak ke bulan Februari, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2021 kepada seluruh warga pentadbiran kerajaan negeri. Mudah-mudahan Allah SWT mengurniakan kekuatan, keberanian dan ketabahan kepada kita semua untuk terus memikul tanggungjawab

sebagai pemegang amanah urusan kerajaan demi kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat, Insha-Allah.

Saudara dan saudari yang dikasihi,

4. Kita baru sebulan meninggalkan tahun 2020. Ia akan terpahat dalam sejarah sebagai tahun yang benar-benar menguji kesabaran dan ketabahan kita semua. Pandemik COVID-19 yang melanda dunia telah mengubah sama sekali kehidupan sejagat. Bermula di sebuah pasar borong yang terletak di Wuhan, China, COVID-19 merebak ke seluruh pelusok dunia dan kini sudah meragut 2.2 juta nyawa manusia.
5. Impak akibat COVID-19 lebih besar berbanding kesan virus itu sendiri. COVID-19 bukan lagi soal bagaimana ia menyebabkan manusia sesak nafas dan berisiko meninggal dunia. Impaknya menjadi lebih besar daripada itu. Ia seperti membawa kita masuk ke pintu dunia yang berbeza. Bumi yang kita diami ini sudah berubah dengan begitu pantas dan drastik. Hanya beberapa bulan, satu persatu negara mengalami kelumpuhan ekonomi. *Lockdown* serta sekatan antara sempadan benar-benar mengubah rutin manusia. Industri penerbangan menjadi tenat. Temasya-temasya besar dunia

dibatalkan. Cara manusia berhubung dan bersosial juga berubah. Cara kita memandang kehidupan juga berubah. Pendek kata, COVID-19 mengubah landskap dunia dengan cara yang tidak pernah kita bayangkan sebelum ini.

6. Di negara kita, setakat semalam, virus itu sudah menjangkiti lebih 203 ribu orang dan telah mengorbankan 733 nyawa. Pelaksanaan PKP yang kali pertama dilaksanakan pada Mac 2020 memberi tamparan yang cukup hebat. Ekonomi negara tahun lalu menguncup lebih 17 peratus, terburuk dalam tempoh 22 tahun. Kemelesetan menjejaskan hampir semua sektor ekonomi. Kira-kira 27,000 syarikat termasuk hotel terpaksa menutup operasi. Lebih 800,000 orang hilang pekerjaan. Ratusan ribu lagi mengalami pemotongan gaji.
7. Anak-anak kita kehilangan setahun hari persekolahan kerana penutupan sekolah. Kampus-kampus pengajian tinggi juga ditutup. Ketiadaan pelajar menyebabkan perniagaan dalam dan luar sekolah atau kampus merosot teruk. Kantin, kedai koperasi, kedai fotostat, kedai buku, penjual kacang dan ais krim di kaki lima dewan kuliah, gerai tepi jalan yang sering menjadi tumpuan pelajar – semuanya

terjejas teruk. Tiada pelanggan tetapi sewa tetap wajib dibayar. Akhirnya, ramai yang menyerah kalah dan terpaksa gulung tikar.

8. Realitinya, perang melawan COVID-19 benar-benar mencengkam kehidupan rakyat. Memasuki jendela tahun 2021, cabaran yang menanti kita pastinya lebih getir. Pandemik COVID-19 belum ada tanda-tanda akan berakhir. Pelaksanaan PKP buat kali kedua walaupun dengan SOP lebih longgar, tetap meletakkan ekonomi negara terus berdepan ketidakpastian. Ketidakpastian ini sedikit sebanyak akan menghambat kehidupan rakyat.
9. Justeru, Bajet 2021 Perak yang diluluskan baru-baru ini perlu memberi jawapan kepada kesediaan kita bagi mengharungi segala ketidakpastian ini. Setiap daripada kita perlu menggembelng segala kekuatan, bukan sahaja untuk memulihkan ekonomi supaya terus berdaya tahan dalam persekitaran yang begitu mencabar, tetapi juga bersedia memapah dan membimbing insan-insan yang terkesan untuk bangkit membina semula kehidupan.
10. Sehubungan itu, ucapan *Executive Talk* ini akan menggariskan lima teras utama yang menjadi agenda penting kerajaan pada tahun 2021 iaitu:
 - **Merangsang Ekonomi Yang Berdaya Tahan,**

- **Memantapkan Sistem Penyampaian Awam,**
- **Menegakkan Keadilan Sosial dan Pembasmian Kemiskinan,**
- **Memacu Pemodenan dan Budaya Pendigitalan dan**
- **Meneraju Kelestarian Sumber dan Alam Sekitar.**

Saudara dan saudari sekalian,

11. Teras yang pertama, **Merangsang Ekonomi Yang Berdaya Tahan.**
 Pandemik COVID-19 memberi impak yang cukup besar kepada ekonomi. Sewaktu PKP pertama dilaksanakan pada awal tahun 2020, ekonomi Malaysia menguncup 17.1 peratus dalam suku kedua iaitu yang terburuk sejak 1998. Dianggarkan kerajaan Persekutuan mengalami kerugian mencecah RM2.4 bilion sehari. Sektor pelancongan hampir lumpuh. Sektor pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan juga hampir lumpuh. Laporan yang dikeluarkan *World Bank* baru-baru ini pula mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada kadar negatif 5.8 peratus pada tahun 2020, iaitu paling buruk dalam tempoh dua dekad.
12. Ekonomi domestik paling teruk terjejas dengan anggaran penguncupan kepada negatif 2.8 peratus, bermakna sifar

perkembangan. Operasi dan pendapatan syarikat yang terjejas pula memaksa mereka mengurangkan kos, malah ada yang menghentikan terus operasi. Ia memberi impak sosial berganda apabila pekerja lewat menerima gaji, dipotong gaji secara drastik, tiada kerja lebih masa, malah ramai yang hilang mata pencarian kerana terpaksa diberhentikan kerja.

13. Pelancongan adalah di antara sektor yang paling terkesan akibat penguatkuasaan PKP yang bermula pada 18 Mac 2020. Berdasarkan kajian Tourism Malaysia di 3 lokaliti iaitu Ipoh, Taiping dan Pangkor, jumlah penginap domestik bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 berkurangan 62.8 peratus kepada hanya 488 ribu orang berbanding 1.3 juta orang bagi tempoh yang sama pada tahun 2019. Bagi tempoh yang sama juga, penginap antarabangsa berkurangan sebanyak 64.3 peratus iaitu 52 ribu orang pada tahun 2020 berbanding 147 ribu orang pada 2019. Ini menjadikan jumlah penginap hotel di Perak jatuh mendadak sebanyak 62.9 peratus iaitu berkurangan daripada 1.4 juta orang pada 2019 kepada hanya 540 ribu orang pada 2020.
14. Dalam konteks pungutan hasil kerajaan negeri, jumlah terimaan hasil pada tahun lepas mencatatkan penurunan sebanyak 10

peratus iaitu RM 111.4 juta berbanding 2019. Kerajaan negeri telah menutup akaun bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dengan defisit RM 77.4 juta – iaitu defisit yang pertama dalam tempoh 12 tahun. Pada masa sama, kesuraman ekonomi akibat daripada pandemik ini menuntut kerajaan berbelanja lebih daripada kebiasaan sekaligus menjejaskan keadaan fiskal kerajaan.

15. Walaupun pada mulanya, ramai yang meramalkan 2021 menjadi tahun pemulihan kepada ekonomi dengan unjuran pertumbuhan yang lebih positif, namun pelaksanaan semula PKP 2.0 meletakkan ekonomi negara terus berada dalam suasana yang tidak menentu.
16. Sehubungan dengan itu, adalah sangat penting untuk kita sama-sama mencari jalan, mengerah idea dan buah fikiran untuk terus merangsang ekonomi yang kukuh dan berdaya tahan bagi mendepani semua ketidakpastian ini.
17. Saya menyarankan agar kerajaan negeri melihat peluang-peluang penjana hasil kepada negeri pada tahun 2021 tanpa memperkenalkan cukai-cukai baru yang boleh membebankan rakyat dan pemain industri. Pelbagai kaedah boleh difikirkan antaranya:
18. Pertama, melaksanakan **pendekatan lebih mesra untuk mengutip hasil** dengan meneruskan pemberian diskaun tunggakan cukai

tanah atau pengecualian denda lewat cukai tanah. Ini secara tidak langsung menggalakan pembayar cukai untuk membayar cukai dengan segera selain berpotensi menarik lebih ramai orang untuk membayar cukai. Lebih banyak cukai dapat dikutip, maka hasil negeri juga dapat meningkat.

19. Kedua, ialah dengan **mengkaji semula perjanjian-perjanjian dan dasar-dasar** sedia ada yang boleh membawa manfaat kepada negeri dan rakyat terutama dalam sektor yang melibatkan tanah, air dan sumber hutan. Saya meminta supaya kita mengenal pasti jika ada sebarang ruang untuk dipinda perjanjian atau dasar yang boleh mendatangkan penjimatan dan mengoptimumkan perbelanjaan tanpa sebarang impak negatif atau kesan sampingan. Kita perlu menyemak semula mana-mana perjanjian yang mungkin selama ini merugikan kerajaan.
20. Ketiga, ialah **meningkatkan penguatkuasaan dan mengelakkan ketirisan hasil** dengan memastikan hasil negeri tidak dieksploitasi oleh mana-mana pihak secara haram. Penguatkuasaan di pelbagai tempat dapat mengelakkan ketirisan dalam mengutip hasil sebenar. Selain daripada itu, dengan meningkatkan penguatkuasaan, hasil bukan cukai juga akan dapat ditingkatkan.

21. Dan keempat, ialah **meneroka hasil-hasil baharu** dengan memanfaatkan potensi Perak yang berada dalam kedudukan yang strategik di samping adanya sumber dan aset seperti mineral, sumber asli, pelabuhan serta kekayaan flora dan fauna. Selain itu, dengan capaian internet isi rumah yang melebihi 80%, ekonomi digital merupakan hasil baru yang mampu menyumbang kepada ekonomi negeri. Selain melonjakkan produktiviti, ia juga mengurangkan kos perniagaan sekaligus meningkatkan taraf hidup rakyat.
22. Langkah-langkah ini penting kerana dalam keadaan sektor swasta yang masih bergelut dengan asakkan impak COVID-19, sektor awam perlu memainkan peranan melaksanakan dasar dan inisiatif yang menyokong pertumbuhan ekonomi dengan menarik lebih banyak pelaburan.
23. Perlu difahami bahawa tidak semua syarikat swasta bergelut dengan hambatan COVID-19. Ada syarikat yang mendapat peluang di tengah-tengah krisis ini terutamanya untuk terlibat dalam penghasilan produk-produk kritikal seperti sarung tangan getah. Namun mereka berdepan dengan beberapa kekangan dan memerlukan sokongan atau kebenaran segera daripada kerajaan

untuk memulakan operasi. Justeru jabatan dan agensi yang terlibat perlu membantu syarikat-syarikat ini untuk memudahkan permohonan mereka. Contoh, urusan kelulusan tanah yang melibatkan ulasan daripada jabatan dan agensi teknikal; kebenaran merancang, sokongan kemudahan utiliti air, elektrik serta internet dan lain-lain.

24. Strategi untuk meningkatkan pelaburan mesti disusun rapi dengan mengenal pasti kawasan perindustrian baharu, memperkasa kawasan perindustrian sedia ada, menggalakkan kemasukan pelaburan berteknologi tinggi serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Ini penting untuk menghasilkan produk tempatan yang berdaya saing serta mewujudkan suasana mesra pelabur menerusi hubungan baik antara sektor awam dan swasta.
25. Langkah ini diharap dapat merealisasikan objektif menjadikan Negeri Perak di antara negeri tertinggi bagi pelaburan yang diluluskan menjelang tahun 2025. Sehubungan itu, saya meminta supaya pemerksaan Pusat Pelarasan Pelaburan (*Centre of Investment- COI*) dibuat secara bersungguh-sungguh supaya matlamatnya untuk menjadikan Perak sebagai lokasi pelaburan kondusif dapat dicapai termasuklah memudahcara '*ease of doing*

business' dan permohonan pelaburan secara *fast track*. Sehingga kini, terdapat lapan (8) COI yang telah diwujudkan melibatkan pelbagai sektor pelaburan. Janganlah kedudukan geografi negeri Perak yang tersepit di antara Pulau Pinang dan Selangor terus dijadikan alasan untuk kita mengalah.

26. Menyedari akan kepentingan sektor ini kepada ekonomi Negeri Perak, Kerajaan Negeri telah memfokuskan konsep "*Silver Valley*" yang merupakan cadangan konsep pembangunan yang holistik dan inklusif bagi melahirkan pelaburan yang berkualiti dan berimpak tinggi. Bagi menyokong pelaksanaan konsep *Silver Valley* ini, usaha giat sedang dijalankan seperti membangunkan kawasan industri baharu iaitu *Silver Valley Technology Park (SVTP)*.
27. Dalam era dunia hari ini yang sering dilanda ancaman krisis dan bencana, **fokus kepada bidang pertanian** dilihat begitu penting demi menjamin sekuriti makanan. Malah, pertanian adalah sektor yang paling kurang terjejas sepanjang berlakunya krisis COVID-19. Dalam setiap krisis, pasti ada peluang. Maka kita perlu merebut peluang ini. Alhamdulillah, kita diberkati dengan tanah yang luas, subur dan sesuai untuk pengeluaran hasil makanan berskala besar. Jabatan dan agensi terbabit boleh memikirkan kolaborasi-kolaborasi

strategik yang boleh dilaksanakan untuk kita kembangkan lagi sektor pertanian. Kita perlu tonjolkan pertanian sebagai sektor yang mampu memberi pulangan berganda. Bukan sahaja kepada ekonomi negeri, tetapi juga kepada golongan rakyat yang mengusahakannya.

28. Semasa mesyuarat pertama, penggal kedua Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan yang Ke-14 pada bulan April 2019, sebagai Ketua Pembangkang pada waktu itu, saya telah membangkitkan mengenai *goal post* atau tiang gol bagi pentadbiran kerajaan. Ketika itu, saya memberi analogi bahawa kerajaan adalah sebuah pasukan bola sepak yang perlu ada strategi untuk menjaringkan gol. Perlu tahu di mana tiang gol. Kaptennya atau Menteri Besarnya bersama barisan Exco perlu ada gagasan, perlu ada visi dan misi ke mana negeri ini hendak dibawa. Maka, sebagai Menteri Besar dalam kerajaan yang ada pada hari ini, saya mesti berpegang kepada kata-kata tersebut.
29. Sehubungan itu, untuk makluman semua, pentadbiran ini sedang merangka *blueprint* atau pelan pembangunan negeri Perak yang menetapkan dasar-dasar strategik bagi menjadikan Perak sebagai negeri maju, berdaya saing dan mampan. Institut Darul Ridzuan (IDR) yang sedang distrukturkan semula sebagai badan pemikir

negeri akan membuat kajian khusus dan libat urus dengan agensi-agensi kerajaan serta para pemegang taruh bagi merangka pelan berkenaan. Kerajaan negeri menjangkakan pelan pembangunan strategik itu dapat dilancarkan pada bulan Mac ini, insha-Allah.

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

30. Teras kedua, **Memantapkan Sistem Penyampaian Awam**. Dalam keadaan negara yang sedang berdepan krisis yang begitu mencengkam, sektor awam memainkan peranan yang cukup kritikal. Bukan sahaja sebagai pemangkin kepada usaha pemulihan ekonomi, tetapi juga untuk menyelami keluh-kesah golongan rakyat yang terpukul akibat pandemik COVID-19.
31. Bagaimana COVID-19 mengubah kehidupan sejagat, begitu jugalah perlunya jentera pentadbiran mengubah prosedur dan cara kerja. Lapisan-lapisan dalam membuat keputusan sebaiknya dikurangkan dengan memberi kuasa tertentu kepada ketua-ketua agensi dan jabatan untuk membuat keputusan secepat mungkin. Kita perlu mencari jalan bagaimana urusan-urusan dapat dipermudah dengan budi bicara yang munabasah tanpa menjejaskan pematuhan

terhadap peraturan juruaudit atau undang-undang agensi penguat kuasa.

32. Ironinya, prosedur dan cara kerja kita sepatutnya memudahkan, bukan menyulitkan. Urusan-urusan yang mudah akan menjadi rumit jika terpaksa melalui terlalu banyak lapisan dalam proses membuat keputusan. Inilah yang mesti kita betulkan. Kita perlu mengelakkan masalah birokrasi menjadi penghalang kepada usaha memulihkan sektor-sektor ekonomi yang terjejas. Justeru, usaha untuk bangkit lebih pantas melawan impak COVID-19 ini akan dapat dicapai.
33. Kita juga perlu menginsafi bahawa rakyat meletakkan harapan yang tinggi kepada kerajaan untuk membela nasib mereka. Lebih-lebih lagi dalam keadaan krisis COVID-19 yang begitu menghimpit, kepada kitalah mereka datang untuk mengadu nasib. Justeru, saya berharap supaya kita semua dapat memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada supaya perkhidmatan yang diberi dengan pantas dan berkesan. Kita tidak mahu melihat di media-media sosial, rakyat mengadu mengenai sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lambat, tidak efektif dan tidak responsif.

34. Begitu jugalah dalam isu ketiadaan pegawai di pejabat sehingga menjadi alasan masalah-masalah yang diadukan tidak dapat diselesaikan. Ketidadaan pegawai-pegawai tertentu di pejabat tidak seharusnya melumpuhkan operasi jabatan daripada menyampaikan perkhidmatan.
35. Berdasarkan pengalaman saya sepanjang lima penggal sebagai wakil rakyat, ada golongan rakyat yang mengunjungi pejabat kita sebenarnya datang dengan berat hati dan dirundung rasa malu. Bagi mereka, datang meminta bantuan itu seolah-olah merendahkan martabat dan maruah mereka. Tetapi kerana keadaan yang benar-benar mendesak, mereka datang juga dengan harapan permasalahan mereka didengari dan diselesaikan. Jadi janganlah kita membiarkan rakyat yang hadir ke pejabat pulang dengan tangan yang kosong dan hati yang hampa, hanya kerana pegawai yang berkenaan tiada di pejabat. Pastikan kita ada sifat empati dengan menyelami perasaan dan cuba meletakkan diri kita berada di tempat mereka. Selalulah berusaha menjadi pendengar yang baik. Walaupun ada waktunya masalah mereka tidak dapat diselesaikan pada waktu itu juga, setidak-tidaknya kesediaan kita mendengar sedikit sebanyak mampu melegakan perasaan mereka.

36. Kita sudah mempunyai Piagam Pelanggan masing-masing. Jangan kita biarkan ia hanya tinggal sebagai piagam dan hiasan kosmetik di pejabat semata-mata. Saya menyarankan agar satu unit khas diwujudkan untuk meneliti dan menyemak semula piagam-piagam pelanggan sedia ada bagi memastikan ia masih sesuai dengan perkembangan semasa terutamanya dalam situasi kita menghadapi pandemik COVID-19. Kita perlu mengadaptasi perubahan dengan pantas. Kalau piagam sudah lapuk dan tidak relevan, maka ubahsuailah supaya ia kekal relevan. Jika tidak, kualiti perkhidmatan kita akan ketinggalan dan dilihat tidak cekap atau lambat dalam memberi perkhidmatan.
37. Saya menggariskan 3 pendekatan yang boleh diterapkan oleh penjawat awam negeri Perak dalam menambahbaik penyampaian perkhidmatan:

i. Pasang telinga, buka mata

38. Sikap ini perlu diterapkan dalam kalangan kita agar lebih peka dengan masalah yang berlaku di sekeliling dan mengambil tindakan awal untuk menanganinya. Sebagai contoh, isu kerja-kerja pencerobohan hutan Bukit Kledang berskala besar yang berlaku

jas di tengah-tengah bandaraya Ipoh sebelum ini. Pencerobohan itu menjadi tontonan umum tetapi kerana kealpaan dan kelalaian kita, maka kemusnahan besar berlaku di hadapan mata. Ini mengundang pandangan serong rakyat terhadap imej kerajaan. Perkara ini pasti boleh dielakkan jika kita sentiasa peka dengan sekeliling dan sensitif dengan rungutan dan aduan orang ramai dalam satu-satu isu.

39. Pendek kata, saya hendak menerapkan budaya prihatin dan proaktif untuk menyelesaikan masalah daripada sekadar menuding jari kepada pihak-pihak tertentu. Ingatlah sekali kita menuding jari kepada orang lain, pada waktu yang sama empat jari menuding kembali kepada kita.

ii) Turun padang, atur langkah penyelesaian

40. Sikap mendekati rakyat secara proaktif ini perlu dijadikan amalan setiap jabatan. Kita tidak boleh lagi sekadar duduk di pejabat dan menerima aduan. Kita perlu sentiasa berada di lapangan untuk mengenal pasti isu-isu, mengetahui masalah dan keperluan rakyat. Dengan cara itu, langkah-langkah penyelesaian lebih mudah

dilakukan dan disegerakan. Pada akhirnya, kita mahu rakyat merasa selesa untuk berhubung, berinteraksi dan mendekati penjawat awam.

iii) Bersama berganding bahu

41. Kita perlu mengukuhkan sikap kebersamaan di antara agensi negeri dan persekutuan termasuk badan berkanun dan GLC serta menolak ke tepi perbezaan status quo dan ego. Saya mencadangkan semua jabatan dan agensi berganding bahu demi mencapai matlamat untuk kepentingan bersama, bukan kepentingan individu tetapi lebih kepada *shared goal* yang hendak direalisasikan.
42. Kerjasama strategik dengan pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) juga perlu diperkukuhkan bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Marilah kita bergerak sebagai satu entiti, membuang budaya *in-silo* dan amalkanlah berkongsi sumber, data, pengetahuan serta kepakaran dalam menjayakan agenda negeri.

Saudara dan saudara sekalian,

43. Teras ketiga, **Menegakkan Keadilan Sosial dan Pembasmian Kemiskinan**. Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bilangan penganggur di Perak pada tahun 2019 adalah seramai 36,700 orang dengan kadar pengangguran pada 3.4 peratus. Bagaimanapun, selepas PKP yang pertama dilaksanakan, jumlah itu meningkat kepada 46,200 orang pada suku pertama tahun 2020. Kadar pengangguran terus meningkat kepada 5.4 peratus pada suku tahun kedua tahun 2020 dengan bilangan penganggur seramai 59,400 orang. Hanya selepas PKP pertama berakhir, jumlah itu menurun sedikit kepada 4.7 peratus pada suku keempat 2020, menjadi 53,100 orang penganggur.
44. Jumlah permohonan bantuan kewangan yang diterima Jabatan Kebajikan Masyarakat Perak juga meningkat. Kes permohonan pada 2020 meningkat hampir empat peratus berbanding tahun 2019. Bilangan permohonan untuk mendapatkan khidmat kaunseling pada 2020 juga meningkat sebanyak 491 kes iaitu peningkatan sebanyak 28.4 peratus berbanding 2019. Kebanyakan masalah yang diajukan pengadu ialah berkaitan kekangan kewangan, tekanan perasaan dan isu rumah tangga. Bilangan

perkhidmatan berkaitan kes keganasan rumah tangga pula meningkat sebanyak 72 peratus iaitu peningkatan sebanyak 26 kes pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.

45. Angka-angka ini adalah indikasi betapa COVID-19 sebenarnya mengakibatkan komplikasi sosial yang serius. Angka-angka ini adalah indikasi bahawa ada golongan rakyat yang sedang bergelut dan memerlukan bantuan untuk mereka membina semula kehidupan. Saya meminta supaya insentif khusus serta segala bentuk bantuan bersesuaian yang diumumkan pada bajet tahun ini dapat diselaraskan dan turut mengambil kira keperluan membantu golongan yang terjejas ini.
46. Menyentuh soal agihan bantuan ini, saya ingin menarik perhatian mengenai beberapa isu. Pertama, kerana tiada koordinasi data yang jelas antara jabatan dan agensi, ada golongan yang menerima bantuan berganda lebih daripada satu agensi. Kedua, ada golongan susah yang layak dibantu, tetapi keciciran dan tidak pernah menerima apa-apa bantuan walaupun sudah berkali-kali mengajukan permohonan. Ini bukan sahaja mengakibatkan pembaziran sumber, tetapi menyebabkan matlamat kerajaan untuk

menegakkan prinsip keadilan sosial tidak dapat dicapai secara berkesan.

47. Sebab itu saya selalu menekankan supaya setiap jabatan dan agensi tidak beroperasi secara bersendirian atau *in-silo*, sebaliknya selalu berkoordinasi dan berkongsi data agar bantuan yang kerajaan sediakan dapat sampai kepada golongan sasaran. Jika isu-isu tidak ditangani dengan baik, saya bimbang banyak polisi baik kerajaan tidak dapat dijayakan, malah akhirnya menjadi sia-sia.
48. Melangkah ke hadapan, kerajaan negeri akan memberi tumpuan kepada usaha-usaha penambahbaikan infrastruktur sosial seperti memastikan bekalan utiliti dan infrastruktur asas kepada rakyat. Rakyat mahu memiliki rumah sendiri. Mereka mahu jaringan pengangkutan yang lebih baik. Mereka mahu peluang ekonomi dijana untuk mereka mencari rezeki demi keluarga. Perkara-perkara asas ini perlu menjadi keutamaan kita.
49. Peranan sektor keusahawanan dalam pembangunan ekonomi rakyat juga mesti terus diperkasa. Sudah ada kecenderungan anak muda untuk berniaga. Maka bantu dan bimbing mereka. Tingkatkan kemahiran mereka dalam program keusahawanan. Gilap potensi

mereka untuk berinovasi terutamanya dalam aspek keusahawan sosial atau *social entrepreneurship*.

50. Pembasmian kemiskinan juga perlu kembali menjadi agenda penting kerajaan. Projek-projek berimpak tinggi perlu dilipatgandakan bagi menangani isu kemiskinan, pengangguran dan mengurangkan jurang pendapatan. Namun, perlu diingat langkah sedemikian adalah strategi bersifat jangka pendek. Sebagai bekas pendidik, saya selalu percaya bahawa senjata paling ampuh bagi membasmi kemiskinan ialah melalui pendidikan.
51. Ibarat seperti pokok, kemiskinan mempunyai akar yang banyak. Banyak faktor menjadi penyebab kemiskinan, namun salah satu daripadanya ialah –pendidikan. Tidak semua orang yang tiada pendidikan akan menjadi miskin. Namun realitinya, kebanyakan orang miskin tidak mempunyai pendidikan. Keluarga miskin cenderung untuk membataskan atau memisahkan terus anak-anak dengan pendidikan. Mereka menganggap pendidikan adalah suatu bebanan. Maka akhirnya, anak-anak mereka juga berisiko untuk terus hidup dalam kepompong kemiskinan.
52. Oleh itu, saya berpandangan, tanggungjawab membasmi kemiskinan melalui pendidikan tidak wajar diletakkan pada bahu

jabatan pelajaran semata-mata. Banyak kaedah dan pendekatan boleh difikirkan bagi mewujudkan satu gerakan massa untuk kita berjihad melawan putaran ganas kemiskinan melalui pendidikan berkualiti.

53. Mentaliti pendidikan satu bebanan mesti dikikis. Mentaliti bahawa kejayaan anak diukur dengan peperiksaan juga mesti dikikis. Kejayaan anak tidak sepatutnya diukur dengan berapa 'A' yang tercetak dalam sijil peperiksaannya. Anak kita mungkin gagal dalam PMR, tetapi dia berpotensi menjadi seorang *chef* yang hebat. Anak kita mungkin gagal dalam SPM, tetapi dia berpotensi menjadi seorang mekanik kereta yang hebat.
54. Maka, kita perlu merintis jalan kepada usaha yang lebih proaktif bagi membasmi isu kemiskinan melalui penyediaan asas pendidikan kepada golongan susah terutamanya di kawasan luar bandar. Bukan hanya dengan memberi ilmu pengetahuan, tetapi juga membina potensi kemahiran dalam diri mereka. Kerajaan pada masa ini sedang membuat analisis dan libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk jabatan kerajaan, NGO dan swasta bagi mewujudkan kolaborasi bersepadu ke arah menjayakan hasrat murni ini.

55. Bercakap mengenai keadilan sosial dan pembasmian kemiskinan, saya ingin menyentuh peranan GLC. Kita akui sumbangan besar GLC, bukan sahaja dari segi pengurusan sumber negeri sehinggalah ke tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada rakyat. Namun, pembabitan GLC dalam tanggungjawab sosial masih boleh dipertingkatkan.
56. Model CSR dilihat tidak bersifat *sustainable* dan tidak mampu menyelesaikan masalah secara objektif. Walaupun inisiatif CSR dilihat sebagai pendekatan popular, namun saya ingin membawa saudara saudari ke suatu model yang lebih *sustainable* dan berkesan iaitu *Creating Shared Value* (CSV). Ini merupakan satu konsep dalam strategi perniagaan yang menekankan integrasi penyelesaian masalah sosial dalam perancangan strategi perniagaan. Konsep ini ditunjangi oleh hubungan berkaitan antara perniagaan dan kesejahteraan rakyat. Apabila rakyat sejahtera, perniagaan kita juga maju.
57. Saya ingin memandu GLC untuk bersama-sama membina ekosistem yang kondusif untuk rakyat secara mampan. Umum mengetahui, GLC mempunyai keistimewaan yang diberikan oleh kerajaan negeri, berbanding syarikat korporat lain. Amatlah

diharapkan keuntungan yang dijana mestilah dikongsi untuk pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat. Ingatlah bahawa ia bukan sekadar soal berapa juta keuntungan yang dijana oleh GLC semata-mata, tetapi berapa banyak sumbangan GLC itu dapat dikembalikan semula kepada rakyat.

Saudara dan saudari sekalian,

58. Teras keempat, **Memacu Pemodenan dan Budaya Pendigitalan.**

Dalam era kebiasaan baharu atau new normal, pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan tidak lagi dilihat sebagai satu pilihan tetapi keperluan. Lebih-lebih lagi dalam suasana menghadapi PKP, usaha meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat menerusi platform digital sudah menjadi satu kemestian. Sesi Executive Talk secara maya pada hari ini adalah satu contoh bagaimana budaya pendigitalan ini diterjemahkan. Fokus perlu diberi kepada usaha untuk menerapkan elemen inovasi dan teknologi dalam memperkukuh perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penguatkuasaan sesuatu dasar dan program. Proses membuat keputusan pula mestilah berpandukan data-data yang komprehensif iaitu menerusi *Data Driven Decision Making* dan juga *Evidence-Informed Decision Making*.

59. Data-data daripada jabatan saudara saudari pula haruslah diintegrasikan bagi menghasilkan suatu analisis yang komprehensif untuk digunakan dalam pembuatan dasar dan inisiatif pembangunan negeri. Namun, sekiranya data-data ini hanya disimpan dan tidak dikongsi bersama maka sesuatu keputusan yang diambil tidak berbentuk *informed desicion*. Oleh itu, saya ingin menyeru agar semua jabatan dan agensi mengambil serius berhubung perkara ini untuk kebaikan bersama.
60. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Majlis Perbandaran Manjung (MPM) kerana mengambil inisiatif dengan mewujudkan aplikasi **i-tegur** bagi memudahkan rakyat membuat aduan melalui saluran yang betul dan memudahkan urusan menyelesaikan masalah yang timbul dengan lebih pantas. Jika mana-mana jabatan yang mempunyai kekangan kewangan di dalam mewujudkan aplikasi seperti i-tegur, boleh kiranya dimulakan dengan menggunakan platform media sosial seperti *facebook* bagi penerimaan sebarang aduan. Selain dari mewujudkan aplikasi tambahan, saya melihat perlunya ada satu pusat maklumat (*one stop centre*) dalam bentuk pautan dalam laman web rasmi, portal khas atau platform media sosial bagi melancarkan pengurusan

aduan dan urusan penyaluran maklumat kepada jabatan yang berkaitan.

61. Sebagai contoh, saya amat menyambut baik komitmen daripada Majlis Bandaraya Ipoh yang menggunakan aplikasi media sosial bagi penerimaan aduan kerosakan jalan dan memberi jaminan penyelesaian jalan berlubang dalam tempoh 24 jam daripada penemuan atau aduan kerosakan.
62. Terbaru, pelaksanaan **Projek e-Tanah** di negeri Perak berteraskan sistem berkomputer bersepadu oleh Pejabat Tanah dan Galian Perak yang akan mula dilaksanakan 15 Februari ini. Ia bertujuan meningkatkan kecekapan pentadbiran tanah dan tenaga kerja yang lebih efektif dan mempercepatkan urusan tanah di pentadbiran tanah di Negeri Perak.
63. Ia adalah satu langkah untuk mengadaptasi norma baharu dalam perkhidmatan awam melalui penyampaian sistem kerajaan secara online dengan menggalakkan pembayaran secara '*Cashless*', mengurangkan pergerakan '*face to face*' di kaunter serta dapat mengurangkan ketirisan hasil.
64. Penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang semakin meluas masa kini terutama dalam perkhidmatan awam

telah banyak memberi manfaat dari pelbagai aspek termasuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Proses kerja yang panjang dan lambat telah dapat dipendekkan dan dipercepatkan. Penambahbaikan sistem dan prosedur kerja juga dapat dilakukan melalui penggunaan aplikasi ICT. Kita juga dapati bahawa penggunaan ICT telah menjadikan lokasi fizikal sebagai bukan lagi batasan atau kekangan untuk mendapatkan sesuatu perkhidmatan, malah penggunaan ICT telah membolehkan sesetengah perkhidmatan dilaksanakan di hujung jari pelanggan.

65. Infrastruktur digital telah dikenal pasti sebagai salah satu penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Sumbangan infrastruktur digital terhadap pertumbuhan ekonomi negara dapat dilihat dalam konteks meningkatkan kecekapan penyampaian maklumat dan perkhidmatan, meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos perniagaan, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Ketersediaan infrastruktur yang lengkap dan persekitaran kerja yang kondusif menjadi pemangkin utama bagi memastikan peluang ekonomi digital dapat dimanfaatkan sebaiknya.

66. Kerajaan Negeri akan memudah cara dan memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi atas usaha peningkatan infrastruktur digital dengan matlamat untuk menambah baik liputan dan kualiti perkhidmatan telekomunikasi; memastikan kesinambungan dan kepelbagaian infrastruktur dalam menyokong ekosistem digital; dan memastikan perkhidmatan yang berkualiti disediakan kepada pengguna.

Saudara dan saudari sekalian,

67. Teras kelima, **Meneraju Kelestarian Sumber dan Alam Sekitar.**

Seperti kita semua sedia maklum, negeri Perak merupakan negeri yang kaya dengan sumber alam semula jadi. Rizab hutan negeri adalah seluas 2.1 juta hektar yang meliputi 51 peratus daripada keluasan negeri. Kawasan pertanian pula merangkumi 37.3 peratus daripada keluasan negeri.

68. Kerajaan negeri komited untuk menjadi peneraju kelestarian sumber dan alam sekitar dengan mewujudkan suatu pelan yang holistik untuk mempromosikan agenda “Perak Bumi Lestari”. Agenda ini diharap mampu mengerakkan pembangunan negeri secara lestari.

Kita tidak mahu mewariskan kepada generasi akan datang alam sekeliling yang semakin musnah yang bakal mendatangkan pelbagai bentuk impak buruk.

69. Justeru, agenda Perak Bumi Lestari perlu dijadikan tunjang dalam merangka pelbagai bentuk pembangunan. Strategi melaksanakan agenda Perak Bumi Lestari saya gariskan seperti berikut:

i.Membudayakan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar

70. Kita semua perlu sedar dan cakna bahawa tugas menjaga alam sekitar bukanlah terletak pada pihak kerajaan semata-mata tetapi ianya adalah tanggungjawab kita bersama. Aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar lazimnya kurang mendapat perhatian dan komitmen masyarakat keseluruhannya kerana ianya tidak memperlihatkan kesan atau keuntungan material secara langsung.
71. Antara usaha yang perlu diberi tumpuan di bawah strategi ini adalah meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam terhadap alam sekitar; melaksanakan tindakan segera dan proaktif bagi menangani isu dan masalah berkaitan alam sekitar serta memperkukuh peranan sektor swasta dalam pengurusan alam sekitar. Amalan menghindari

plastik sekali guna atau *single use plastic* misalnya perlu diterapkan di jabatan masing-masing sebagai sebahagian daripada proses pembudayaan.

ii) Membina Persekitaran Kondusif Berlandaskan Teknologi Hijau

72. Teknologi hijau merujuk kepada pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar serta mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia. Dalam bahasa yang mudah, teknologi hijau merupakan teknologi mesra alam yang menggunakan sumber-sumber secara minimum. Teknologi hijau dapat menjana tenaga dengan kos yang lebih murah, selamat dan mesra pengguna justeru mempunyai potensi besar dalam memacu pembangunan negara serta negeri dalam jangka masa panjang.
73. Saya mengalu-alukan kerjasama dengan pihak swasta melalui *Public Private Partnership (PPP)* bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif teknologi hijau bagi menyokong pembinaan persekitaran kondusif. Contoh-contoh projek berasaskan sumber tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) adalah seperti tenaga solar, hidro, geoterma dan sebagainya. Para pelabur berkaitan industri teknologi

hijau akan berminat untuk melabur jika kita menyediakan insentif atau pakej yang menarik untuk mereka. Fikirkan bagaimana untuk menarik mereka dan rangka pelan kerjasama yang memberikan situasi menang-menang bagi pelabur dan negeri Perak. Semoga lebih banyak PPP dapat diwujudkan bagi membantu Perak mewujudkan inisiatif berasaskan teknologi hijau seperti bandar hijau (*green city*), bangunan hijau (*green building*) dan pengangkutan hijau (*green transportation*).

iii) Memastikan Pembangunan Seimbang

74. Terdapat pihak yang mengatakan bahawa punca timbulnya isu alam sekitar adalah disebabkan oleh proses pembangunan dan pemodenan. Antara isu yang biasa dikaitkan adalah seperti pencemaran udara, pencemaran air, pencemaran tanah, pencemaran bunyi, penebangan hutan secara haram, kepupusan flora dan fauna, pembuangan sisa toksik, pembuangan sampah sarap dan kesesakan lalu lintas.
75. Kita perlu sedar bahawa proses pembangunan adalah sesuatu yang tidak boleh disekat. Dari sudut ekonomi, sumber alam seperti hutan, tanah dan sebagainya merupakan sumber ekonomi yang perlu

dimajukan demi kemakmuran rakyat. Perkara yang sepatutnya diberi perhatian ialah bagaimana kita merancang dan mengurus pembangunan itu dengan mengambil kira aspek penjagaan alam sekitar. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri Perak komited untuk merangka strategi pembangunan yang seimbang, yakni menjaga dan memulihara alam semula jadi di samping melaksanakan pembangunan. Antara fokus di bawah strategi ini adalah mengharmoni dan mengintegrasikan dimensi alam sekitar dalam dasar semua sektor; serta memantapkan penguatkuasaan berkaitan isu-isu alam sekitar.

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

76. Kelima-lima teras ini mencerminkan kesungguhan kerajaan untuk memastikan ekonomi negeri dapat dikembalikan ke landasan yang betul tanpa mengabaikan keperluan memelihara kesejahteraan rakyat yang masih bergelut dengan asak pandemik COVID-19.
77. Tugas ini bukan mudah. Ia menuntut kesungguhan setiap daripada kita untuk mencurahkan segala komitmen agar setiap perancangan yang dibuat dapat kita laksanakan sebaik-baiknya.

78. Sehubungan itu, saya memohon penjawat awam bersama sama memfokuskan **5S** berikut dalam menjalankan amanah menjayakan pentadbiran kerajaan pada tahun ini:

S1 - Selami Perubahan

79. Perubahan yang berlaku ini adalah amat baru untuk kita semua. Kita tidak ada pengalaman berdepan wabak yang kesannya begitu besar dan menghimpit. Pada awalnya memang janggal buat kita semua, namun kita perlu menerima perubahan ini dengan hati yang lapang dan mesti selalu bersedia menghadapinya. PKP sebenarnya membawa hikmah untuk kita lebih sensitif terhadap perubahan. Dahulu, hendak menjalani sidang video adalah suatu yang sukar dan janggal dilakukan. Namun kini ia sudah menjadi satu kelaziman baru.
80. Contohnya, sepanjang dua tiga minggu ini, kita buat pertemuan secara maya. Majlis MoU juga dilakukan secara maya. Pertemuan penting antara menteri kabinet, menteri besar serta ketua menteri dari Perlis sampai ke Sabah – semua dilakukan secara maya. Ia menjimatkan masa, tenaga dan juga sumber kewangan kerajaan.

Saya mencadangkan pertemuan secara maya begini dapat kita teruskan selepas PKP berakhir selepas ini.

S2 - Struktur Semula

81. Selepas mengadaptasi perubahan, kita perlu bersedia menstrukturkan semula prosedur dan cara kerja kita. Cara kita mendekati dan menyampaikan perkhidmatan juga mesti berubah. Sikap mendekati rakyat secara proaktif ini perlu dijadikan amalan setiap jabatan. Penstrukturan semula ini adalah untuk memastikan rakyat merasa selesa untuk berhubung, berinteraksi dan mendekati penjawat awam walaupun dalam persekitaran PKP.
82. Selain daripada itu, dalam kita melaksanakan persekitaran kerja yang lebih fleksibel disebabkan oleh PKP melibatkan penggiliran, kerja dari rumah, had maksimum di tempat kerja dan lain-lain SOP yang terpakai untuk penjawat awam, kerja yang dilakukan perlu distruktur semula agar penyampaian perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas.

S3 - Sediakan Peluang

83. Pada waktu sukar sebegini, untuk menghidupkan semula ekonomi dan membantu rakyat, kita semua harus menyediakan peluang kepada semua rakyat terutamanya yang terkesan secara langsung. Teruskan inisiatif dan program yang telah berjalan dengan melakukan penambahbaikan pada perkara-perkara yang tampak kekurangannya. Dalam masa yang sama, kita perlu inovatif untuk menjana idea-idea baru dalam menyediakan sebanyak mungkin peluang seperti latihan untuk berniaga, latihan untuk bercucuk tanam, biasiswa pembelajaran, geran niaga, platform perniagaan dan pelbagai lagi usaha untuk membantu mereka yang mungkin tertinggal dalam mendapatkan bantuan, membantu mereka yang hilang pekerjaan mendapatkan pekerjaan, membantu mereka yang tertinggal dalam pembelajaran atas talian, membantu mereka yang baru sahaja mahu menceburi bidang perniagaan sebagai sumber pendapatan baru dan sebagainya . Ini situasi krisis dan kita memerlukan pendekatan lebih agresif dan luar dari kebiasaan untuk menanganinya.

S4 - Seimbang Dan Mapan

84. Perubahan iklim adalah isu sejagat. Kita semua terkesan daripadanya. Kita bertanggungjawab untuk tidak menjadikan keadaan lebih parah. Pentadbiran kerajaan negeri memandang serius untuk melaksanakan pembangunan yang mengimbangi di antara keperluan ekonomi dan alam sekitar. Pembangunan perlu dirancang dan dilaksanakan dengan mengambil kira impak kepada alam sekitar. Jangan kerana kita ambil mudah perkara ini, jangka masa panjang akan menjerut leher kita ke arah kemusnahan alam sekitar dan seterusnya membawa kemusnahan kepada diri kita.

S5 - Stabil

85. Empat S yang pertama tadi tidak akan bermakna tanpa S yang kelima ini. Negeri memerlukan kestabilan. Sebab itu, sejak hari pertama menjadi Menteri Besar, saya tekankan betapa pentingnya untuk kita mengembalikan kestabilan politik. Saya tekankan pentingnya kita membina kerukunan dalam kerajaan. Hanya dengan kestabilan, kita boleh wujudkan sebuah kerajaan yang inklusif dan

mampu memberi keadilan kepada semua. Mendengar pandangan semua.

86. Justeru, saya tidak mengenyepikan pihak pembangkang dengan menyalurkan sejumlah peruntukan untuk membantu rakyat. Kerana pengundi di kawasan pembangkang juga adalah rakyat yang memerlukan pembelaan daripada kerajaan. Atas semangat ini, saya juga mahu penjawat awam turut mengambil pandangan dari semua pihak daripada segenap lapisan masyarakat. Apabila mereka merasa pandangan dan suara mereka diambil kira, lebih berkemungkinan mereka akan melibatkan diri untuk sama-sama membantu kita semua.

PENUTUP

87. Akhir kata, saya mempunyai harapan yang besar untuk menjadikan dan membawa barisan pentabiran dalam acuan sebagai sebuah kerajaan yang TEGAS, JUJUR dan IKHLAS.

TEGAS dalam erti kata melaksanakan undang-undang dan penguatkuasaan yang sepatutnya,

JUJUR dalam setiap sikap dan perbuatan tanpa melakukan sebarang kecurangan dan

IKHLAS dalam melaksanakan tugas tanpa mengharapkan apa – apa balasan.

88. Prinsip-prinsip yang saya gariskan ini adalah elemen penting dalam merealisasikan matlamat **Rakyat Selamat, Negeri Sejahtera**.
89. Saya mengingatkan diri saya dan semua barisan pentadbiran supaya terus mengamalkan SOP yang ditetapkan oleh kerajaan. Saya harap semuanya terus tabah dan kuat menghadapi persekitaran yang getir ini. Pada kesempatan ini juga saya merakamkan penghargaan kepada seluruh barisan hadapan atau *frontliners* kita yang sedang berjuang di lapangan memerangi wabak COVID-19. Pengorbanan anda semua cukup besar dan tidak ternilai harganya.
90. Pada masa sama, saya ulangi gesaan supaya kita menghapuskan stigma terhadap para *frontliners* kita. Jangan jauhi atau mendiskriminasi diri dan keluarga mereka. Mereka sudah terlalu banyak berkorban untuk kita semua. Mereka juga manusia biasa yang punya hati dan perasaan. Hargailah mereka. Bantu mereka dengan mematuhi SOP. Doakanlah supaya mereka terus kuat berjuang.

91. Akhir sekali, terima kasih kerana meluangkan masa untuk mendengar dan menghayati ucapan yang saya sampaikan. Mudah-mudahan urusan kerja kita sentiasa dipermudahkan dan hasil kerja baik yang saudara-saudari curahkan demi rakyat dan negeri sentiasa mendapat pembalasan sebaiknya daripada Allah SWT.
92. Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh